

# UPM lebih komited capai kecemerlangan

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) akan terus komited melaksanakan Pelan Transformasi bagi meningkatkan kecemerlangan universiti tersebut, walaupun mereka gagal mendapat pengiktirafan sebagai Universiti APEX (Accelerated Programme for Excellence) tahun lepas.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah memberitahu, kegagalan tersebut tidak akan menghentikan usaha warga universiti itu berusaha memajukan universiti tersebut.

"Tidak terpilih bukan bermakna UPM tidak cemerlang tetapi UPM sebagai universiti penyelidikan (RU) akan terus komited untuk lebih cemerlang melalui Pelan Transformasi yang dirancang.

"Melalui pelan tersebut, kita akan mengubah mentaliti dan cara pentadbiran UPM bukan sekadar mengekalkan status RU malah untuk menjadi universiti APEX pada masa depan," katanya pada majlis Perutusan UPM 2009 di sini semalam.

Menurut beliau, APEX bukan program untuk melahirkan universiti elit tetapi untuk melonjakkan universiti itu menjadi universiti bertaraf dunia selain menaikkan imej institusi pengajian tinggi itu secara keseluruhannya.

Sementara itu katanya, UPM juga merupakan sebuah organisasi terkenal dengan persepsi masyarakat terhadap prestasinya yang berjaya mengukir banyak kemenangan serta memperoleh pelbagai anugerah.

Antaranya ialah Pemenang Utama dua kategori dalam Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2008, Pengiktirafan dalam *Top Business School* dan pemenang Anugerah Sektor Awam dengan Sektor Swasta 2008.